



PERCUMA 3 - 10 Ogos 2012, 14 - 21 Ramadan 1433



PR selesai masalah banjir 10 tahun Kampung Melayu
muka 10

Merdeka Center: Populariti Najib terus jatuh
muka 4

Pengagihan lemah punca air terganggu
muka 3

Mimbar tawar pakej niaga untuk rakyat
muka 7



Ihsan oleh Istana Mestika. Gambar oleh S. Thinakaran

AL-FATIHAH...

DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, sayu memerhatikan jenazah adinda bongsu baginda, YAM Tengku Puteri Aishah, 56, diangkat selepas disembahyangkan di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang, untuk dimakamkan di Makam Diraja Shah Alam. Almarhumah mangkat pada awal Isnin lalu di Hospital Pantai Kuala Lumpur, kerana penyakit barah

Kerajaan Negeri baiki tangki air, selesaikan kegagalan Syabas

Oleh MOHDE EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Kegagalan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) untuk mengedar air terawat dengan baik akan diselesaikan Kerajaan Selangor sendiri dengan membaik pulih tangki simpanan air yang tidak mampu berfungsi pada tahap terbaik.

Pembaikan itu akan dilakukan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT) di mana kos kerja-kerja tersebut akan ditanggung oleh Syabas.

Usaha ini merupakan antara langkah yang terpaksa diambil Kerajaan

Negeri bagi memperbaiki pengurusan air terawat di Selangor ekoran kegagalan Syabas menunaikan tanggungjawabnya.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, loji-loji itu tidak diselenggara dengan sempurna dan ada loji yang peralatannya seperti pam air langsung tidak berfungsi.

Menurut beliau, Kerajaan Negeri mempunyai perancangan bagi meningkat-

kan jumlah kapasiti air terawat dengan beberapa cadangan yang dikemukakan untuk mengatasi isu itu.

"Kita mencadangkan pembinaan tapak rawatan air yang baru di sebelah loji dengan menggunakan teknologi membrane.

"Justeru dengan adanya projek ini, kita boleh meningkatkan jumlah air terawat sehingga 50 peratus tambahan," Abdul Khalid berkata dalam sidang media selepas mesyuarat Exco pada 1 Ogos lalu.

Ketua kampung, guru KAFA juga dapat bonus raya

SHAH ALAM - Selain kakitangan awam Kerajaan Negeri, Ketua-ketua Kampung dan guru KAFA di Negeri Selangor turut menerima bonus sebanyak RM200 menjelang perayaan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Bonus tersebut akan dibayar dalam bentuk simpanan di Tabung Haji atau akaun Simpanan Premium di Bank Simpanan Nasional (BSN).

Berita baik itu susulan daripada pengumuman bonus setengah bulan untuk semua penjawat am Selangor dan pemberian RM200 dalam akaun simpanan.

Ketua Kampung Batu 37 Darat, Abd Malik Alang ketika ditemui menyambut baik pengumuman yang dibuat pada 29 Julai lalu.

"Berita baik ini saya anggap sebagai satu penghargaan oleh Kerajaan Negeri kepada tugas-tugas yang dilaksanakan setiap Ketua Kampung," kata Abd Malik.



lihat muka 2

lihat muka 2

Menteri Besar rakam ucapan takziah atas kemangkatan YAM Tengku Putri Aishah

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri merakamkan ucapan takziah atas kemangkatan adinda bongsu DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, iaitu YAM Tengku Putri Aishah binti Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Salam takziah dirakamkan ke atas baginda Sultan serta seluruh kerabat Diraja Selangor dalam satu kenyataan media oleh Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

"Kerajaan Negeri turut merasa sedih atas kehilangan ini dan menyeru seluruh rakyat Selangor memanjatkan doa agar roh Almarhumah di tempatkan bersama-sama mereka

yang beriman.

"Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas rohnya dan semoga Allah mengampuni segala dosa dan menerima semua amalan baiknya serta merahmatinya di alam barzakh. Al-Fatihah," ujar beliau.

Jenazah YAM Tengku Putri Aishah, 56, selamat dikebumikan di Makam Diraja Shah Alam setelah disembahyangkan di Masjid Istana Diraja, Istana Alam Shah, Klang.

Tengku Putri Aishah menghembuskan nafas terakhir di sisi Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah bersama anggota keluarga yang lain pada 30 Julai lalu.



Menteri Besar menyiram air mawar ke atas makam Almarhumah YAM Tengku Putri Aishah

Kerajaan Negeri biayai guaman Rafizi

dari muka depan

SYABAS tidak selenggara dengan baik

Tambah Abdul Khalid, pada masa kini negeri Selangor bukan berhadapan dengan kekurangan jumlah air terawat tetapi sistem pengagihan air yang perlu diperbaiki sehingga dapat mengurangkan jumlah air tanpa hasil.

Sementara itu, Exco Kerajaan Tempatan, Kajian Dan Penyelidikan, Ronnie Liu berkata, hasil lawatan yang dilakukan mendapati banyak tangki simpanan air yang tidak diselenggara dengan baik oleh Syabas membahayakan penduduk sekitar.

"Didapati banyak tangki simpanan air itu dengan pamnya tidak berfungsi dengan baik, sehingga mengakibatkan tangki-tangki air yang besar itu tidak mempunyai air.

"Selagi Syabas tidak memperbaiki tangki simpanan air itu, maka usaha kita tidak berguna kerana ia tidak dapat mengagihkan air," katanya.

Ujar beliau lagi, Syabas digesa untuk memberi penjelasan dan penyelesaian berkenaan penyelenggaraan tangki simpanan air pada masa segera.

Galakan rakyat menabung

Menurut Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, bonus tersebut diberikan dalam bentuk simpanan bagi menggalakkan masyarakat untuk menabung.

"Tetapi sekiranya nak keluarkan duit itu pun boleh dikeluarkan, tak jadi masalah," ujar Abdul Khalid ketika pengumuman bonus untuk ketua kampung itu dibuat di satu majlis berbuka puasa di kediaman rasminya di sini.

Menjelaskan lagi bonus bagi kakitangan am, Abdul Khalid berkata, bonus minima adalah RM500. Manakala tambahan RM200 itu

akan dimasukkan ke dalam akaun Tabung Haji bagi kakitangan Islam bukan beragama Islam dan bukan Islam akan menerima Sijil Simpanan Premium Bank Simpanan Nasional (BSN).

"Kerajaan Selangor memperuntukkan RM20 juta untuk pembayaran bonus dan bonus tambahan untuk tahun ini," kata Abdul Khalid.

Diharap pemberian bonus ini dapat meringankan beban penjawat awam untuk membuat persembahan menyambut Hari Raya Aidilfitri.

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri Selangor melahirkan kekesalan terhadap pendakwaan yang dikenakan ke atas Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli berhubung pendedahannya mengenai butiran perbankan National Feedlot Corporation (NFC).

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, tindakan ke atas Rafizi membuktikan komitmen kerajaan Umno-BN terhadap ketelusan dan kebertanggungjawaban yang diuar-uarkan Perdana Menteri ternyata hanya janji-janji kosong.

"Kerajaan Negeri berpenda-

pat rakyat Malaysia haruslah diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam memastikan wang rakyat ditadbir dan diurus secara adil dan beramanah.

"Bagi menepati janji Kerajaan Selangor untuk membanteras kegiatan rasuah di setiap peringkat, kita menyediakan satu dana khas (whistle blower fund) untuk membantu membiayai kos guaman Rafizi," katanya semasa sidang media di SUK di sini.

Menurut Abdul Khalid, dana itu diperolehi menerusi peruntukan Geran Selangorku sejumlah RM5 juta untuk membanteras rasuah.

Beliau berkata, dana itu akan digunakan kepada pihak yang

dianiayai dalam usaha membanteras rasuah di negeri ini.

"Kerajaan Negeri boleh menggunakan dana tersebut untuk mempertahankan individu yang teraniaya supaya usaha membanteras rasuah dapat dilakukan dengan lebih efektif," katanya lagi.

Mahkamah Seksyen Shah Alam menetapkan bayaran ikat jamin sebanyak RM15,000 terhadap Rafizi dan bekas kerani Public Bank, Johari Mohamad serta menetapkan tarikh perbicaraan kes ini pada 10 September depan.

Rafizi ditahan polis atas pertuduhan mengikut Akta Bank dan Institusi Kewangan (Bafia) 1989.



LAWAN... Rafizi dan Johari kelihatan bergari ketika dibawa ke mahkamah

Kerajaan Negeri bertegas tidak naik tarif air

Oleh NAZLI IBRAHIM

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri memutuskan untuk mempertahankan keputusan tidak menaikkan tarif air sehingga 70 peratus di negeri itu bagi menjaga kepentingan rakyat.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim (*gambar*) berkata, rakyat negeri ini tidak boleh dibebankan lagi dengan kenaikan tarif air kerana bebanan kos sara hidup di negara ini sudah sedia tinggi.

"Kos sara hidup yang ditanggung rakyat sudah cukup tinggi, jadi amat tidak wajar kalau ditekan lagi dengan kenaikan tarif air sehingga 70 peratus.



"Sekiranya Langat 2 diteruskan, maka rakyat Selangor akan memikul sehingga RM2,000 juta (RM2 bilion) beban kos itu dan tarif air dinaikan," kata beliau.

Abdul Khalid turut menyelar pemimpin Umno-BN yang bercakap soal kebajikan rakyat tetapi pada masa yang sama mahu menaikkan tarif air di Selangor.

Selain itu, beliau turut mengutuk kenyataan yang meramalkan Kerajaan Negeri akan muflis sekiranya pemberian 20 meter padu air percuma dilaksanakan di negeri ini.

"Pemberian 20 meter padu

air percuma yang diberikan kerajaan negeri bukan sahaja tidak menyebabkan Kerajaan Negeri muflis, tetapi rizab simpanan kita semakin meningkat," ujar Abdul Khalid lagi.

Dalam ucapan Abdul Khalid itu, beliau juga sempat menceritakan pertemuan antara beliau dengan Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin sedikit masa dahulu.

"Saya pernah beritahu Tan Sri Muhyiddin, sebab saya nak tolong rakyat maka saya sertai politik," ujarnya ketika menerangkan isu pemberian air percuma kepada Muhyiddin.

Usaha Abdul Khalid mengambil alih pengurusan Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) bagi mengelakkan kenaikan tarif air dihalang oleh Kerajaan Pusat.

Langat 2: Hanya Kerajaan Negeri boleh beri kelulusan

PELABUHAN KLANG - Kerajaan Pusat boleh mengeluarkan tender projek Loji Rawatan Air Langat 2 tetapi kelulusan mengenai pelaksanaannya hanya boleh diberikan oleh Kerajaan Selangor.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, Kerajaan Negeri juga tidak akan terlibat dengan proses tender tersebut kerana beranggapan ia tidak relevan dengan masalah air yang didakwa wujud di Selangor.

Setakat ini Kerajaan Negeri hanya bersetuju dan ingin berbincang dengan Kerajaan Pusat mengenai proses penstrukturan semula air di negeri itu.

Katanya, pihak tenaga kerja profesional dilantik bagi membuat kajian dan menyiapkan laporan mengenai isu air tersebut dan dakwaan Menteri Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA), Datuk Seri Peter Chin Kah Fui yang mengatakan laporan Kerajaan Negeri

tidak betul tidak boleh diterima.

Abdul Khalid juga mengajak KeTTHA berbincang dan bukan menggunakan media.

Jelasnya, Kerajaan Negeri memiliki laporan yang dikemukakan oleh profesional bagi mengenal pasti berkaitan isu air ini.

"Jika anda fikir ia tidak betul, bukan Peter Chin yang patut buat kenyataan tetapi itu tanggungjawab Pengerusi Eksekutif Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas). Ini kerana beliau dibayar melebihi harga pihak profesional. Peter Chin patut menilai perkara ini kerana pembayaran diluluskan lebih RM400,000 sebulan untuknya. Mengapa beliau tidak berbincang dengan kita (Kerajaan Negeri)? soalnya

Kerajaan Pusat dilaporkan akan melaksanakan projek Loji Rawatan Air Langat 2 secara tender terbuka kepada semua syarikat yang berkecualan.

Pengagihan lemah punca air terganggu

SEMENYIH - Gangguan bekalan air di sekitar Cheras dan Puchong seperti didakwa oleh media pro-Umno menimbulkan persoalan kerana sumber air mentah mencukupi manakala loji rawatan beroperasi secara optimal.

Mengikut pemantauan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), sungai-sungai yang membekalkan air kepada loji-loji rawatan tidak kering, manakala paras air di ke tujuh-tujuh empangan di Selangor pada tahap yang tinggi.

Justeru, kesemua 33 loji rawatan air tidak sepatutnya mengalami masalah ketiadaan air untuk dirawat walaupun terdapat permintaan yang tinggi daripada pengguna.

Misalnya, Loji Penapisan Air Sungai Semenyih kepunyaan Konsortium ABASS Sdn Bhd berfungsi pada tahap optimum selama 24 jam untuk memenuhi kehendak pengguna di bahagian selatan Selangor.



Ahmad Rosli memberi taklimat berkenaan aliran air Sungai Semenyih sehingga ke loji kepada media

Pengurus Besar (Operasi) Loji Penapisan Air Sungai Semenyih, Basar Ishak berkata, loji itu pemproses air mentah untuk disalurkan kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) yang akan meng-

agihkannya kepada penduduk di sekitar Selangor.

"Kita tidak mempunyai penilaian yang tepat mengenai jumlah permintaan air terawat di Selangor melainkan merujuk kepada tangki 'balancing reser-

voir' iaitu saluran air terawat yang digunakan Syabas.

"Jika tangki berkenaan menunjukkan pengurangan, maka kita akan tahu bahawa jumlah penggunaan air adalah tinggi.

"Air yang sudah dirawat

akan disalurkan ke dalam tangki ini 24 jam sehari dan tangki ini tidak pernah kosong.

"Melainkan arahan daripada Syabas supaya menutup tangki tersebut untuk melakukan pembaikan saluran paip," kata Basar ketika ditemui semasa tinjauan di loji tersebut.

Loji ini membekalkan air ke Petaling Jaya, Sri Kembangan, Puchong, Putrajaya, Cyberjaya, Bangi, Sepang dan sebahagian kawasan Kuala Langat.

Mengikut perjanjian pen-swastaaan air 2004, Syabas dipertanggungjawabkan untuk mengurus operasi merawat air mentah dan mengedar air terawat di Selangor.

Selainnya, hasil laporan pertama Jawatankuasa Peman-tauan Air yang diketuai Setia-usaha Kerajaan Negeri, Datuk Khusrin Munawi mendapati Syabas beroperasi di bawah ke-upayaan sebenar untuk meng-agihkan air terawat di seluruh Selangor.

Oleh MOHD EZLI MASHUT

SHAH ALAM - Tahap populariti Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak di kalangan pengundi di Semenanjung berada pada paras 64 peratus berbanding 65 peratus pada Mei lalu.

Penemuan ini hasil kendalian Merdeka Center yang diumumkan baru-baru ini.

Kajian itu juga menunjukkan bahawa paras rasa puas hati terhadap prestasi Perdana Menteri di kalangan pengundi Melayu dan India masing-masing menurun daripada paras 79 peratus kepada 75 peratus dan 72 peratus kepada 69 peratus.

"Meskipun mengalami penurunan di kalangan pengundi kaum India dan Melayu, paras yang direkodkan masih tinggi. Cuma ada perubahan sedikit di kalangan pengundi-pengundi Cina," kata Pengarah Eksekutif Merdeka Center, Ibrahim Suf-

Merdeka Center: Populariti Najib terus jatuh

fian dalam kenyataan media.

Ujar beliau, pendirian komuniti-komuniti itu kemungkinan dipengaruhi oleh kebimbangan mereka tentang ekonomi negara, khususnya di kalangan responden India.

"Ia juga ada kaitan dengan rasa tidak puas hati berhubung kenyataan berkaitan dengan aktivis (Pengerusi Bersama) Datuk S Ambiga," kata beliau lagi.

Kaji selidik itu menunjukkan pandangan pengundi kerajaan terus merosot dengan 42 peratus daripada responden melaporkan baha-

wa 'mereka gembira dengan kerajaan', penurunan sebanyak enam peratus berbanding kajian yang dijalankan pada pertengahan Mei 2012.

Pungutan suara itu menunjukkan penurunan itu amat ketara di kalangan pengundi Melayu, di mana jawapan daripada pada orang-orang yang berkata 'gembira' dengan kerajaan menu-

dari 65 peratus Mei kepada 58 peratus pada Jun 2012.

"Pada pandangan kami, penurunan itu mungkin mempunyai kurang kaitan dengan politik atau persepsi mereka terhadap Perdana Menteri tetapi dengan bagaimana pengundi melihat ekonomi, melaksanakan dan kesannya terhadap kehidupan mereka," katanya.

Kajian yang sama mendapati bahawa kebimbangan terhadap isu-isu ekonomi, terutamanya kos sara hidup dan gaji, adalah teratas di minda pengundi, 39 peratus daripada mereka berbanding dengan 33 peratus Mei 2012.

Ini diikuti oleh kebimbangan

terhadap jenayah dan masalah sosial di 12 peratus dan politik pada lapan peratus.

Kaji selidik itu mendapati bahawa peningkatan kebimbangan terhadap ekonomi mungkin juga menjejaskan prospek negara dengan 54 peratus menyatakan negara ini diketuai di landasan yang betul berbanding 58 peratus pada April 2012.

Kaji selidik yang dijalankan Merdeka Center antara 22 dan 29 Jun di kalangan 1010 pengundi berdaftar yang terdiri daripada 59 peratus Melayu, 32 peratus Cina dan sembilan peratus responden berbangsa India yang ditemu bual melalui telefon.

Sambutan suram terhadap PM, empat pengarah ditukar

KUALA LUMPUR - Sambutan suram terhadap ucapan Perdana Menteri dalam perhimpunan Hari Koperasi Negara 2012 baru-baru ini, empat Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri diarahkan berpindah serta-merta.

Surat arahan yang dikeluarkan dalam notis singkat itu diserahkan kepada empat pengarah tersebut dua hari selepas sambutan Hari Koperasi yang dianggap gagal dan mengecewakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

"Datuk Seri Ismail Sabri sebagai menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Pembangunan Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna harus menjawab perkara ini kata Naib Presiden PAS, Datuk Mahfuz Omar.

Empat Pengarah Jabatan Pembangunan Koperasi Negeri yang terbabit adalah, Pengarah bagi negeri Pahang, Zazali Harun, Osman Ismail (Terengganu), Zainun Hamzan Setapa (Kedah) dan Suhaimi Abd Rahman (Negeri Sembilan).

"Adakah kerana pengarah tersebut dianggap gagal membawa orang ramai datang ke sambutan itu menyebabkan

mereka ditukar?" kata Mahfuz.

Pihak kementerian menyasarkan seramai 100 ribu orang akan hadir dalam sambutan tersebut tetapi gagal menepati sasaran.


Audien juga bertindak dengan memalukan Najib apabila membunyikan 'air horn' dan tidak mempedulikan Najib ketika menyampaikan ucapan.

Sehinggakan Najib terpaksa meminta orang ramai dalam majlis agar diam ketika mendengar ucapan beliau, dakwa Mahfuz.

Malah ramai peserta perhimpunan tersebut bertindak meninggalkan dewan ketika Najib masih sedang berucap.

Adakah kerana pengarah tersebut dianggap gagal membawa orang ramai datang ke sambutan itu menyebabkan mereka ditukar?

- DATUK MAHFUZ OMAR
Naib Presiden PAS



Tinjauan Awam Prestasi PM

64%
berpuas hati

28%
tidak berpuas hati

- Agak Berpuas Hati
- Tidak Pasti
- Enggan
- Agak Tidak Berpuas Hati
- Sangat Tidak Berpuas Hati
- Amat Berpuas Hati

Carta di atas menunjukkan jumlah penurunan sokongan terhadap populariti Perdana Menteri

Kajian UKM ketinggalan: Pakatan mampu dapat majoriti mudah

SHAH ALAM - PAS mendakwa kajian yang dibuat oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) sudah ketinggalan kerana ia berlangsung semasa rakyat memperoleh 'gula-gula' politik Perdana Menteri, khususnya selepas pembentangan bajet 2012, Oktober tahun lalu.

Justeru, kajian-kajian itu tidak cukup untuk menggambarkan bakal parti yang akan memenangi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU-13) yang berlaku lebih lima bulan sekiranya PRU-13 akan berlaku September ini.

Pengarah Operasi Pusat Penyelidikan PAS (PPP), Dr Zuhdi Marzuki (*gambar*) berkata, kajian-kajian yang dijalankan dengan kecenderungan melihat



persepsi politik rakyat, lazimnya akan menghasilkan peratusan undi popular, bukannya parti mana yang akan menang mengikut lokality DUN atau parlimen.

Selain daripada itu, beberapa krisis dalam Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat (PR) di Kedah dan Selangor, yang dibesar-besarkan media arus perdana ketika tempoh kajian dijalankan turut mempengaruhi persepsi pengundi.

Bagaimanapun, krisis tersebut dengan segera dipadamkan pimpinan-pimpinan negeri PR sehingga situasi ini berkemungkinan akan merubah semula persepsi politik para pengundi.

"Persepsi politik pengundi

bawah 50 tahun dan di kawasan bandar mungkin telah berubah disebabkan isu-isu semasa yang berlaku seperti Bersih 3.0, NFC, janji PR tentang pemansuhan PTPTN dan termasuk juga tsunami politik di Timur Tengah," kata Dr Zuhdi dalam satu kenyataan media.

Sebelum ini, kajian Prof Madya Dr Mohd Fuad Mat dan Prof Madya Dr Rohana Yusof, menunjukkan BN boleh merampas semula negeri Selangor dan Kedah dari kerajaan PR.

Dr Zuhdi bersetuju PR boleh memenangi sekurang-kurangnya 105 kerusi parlimen untuk mencapai majoriti mudah dengan perubahan besar politik di Sabah dan Sarawak seperti diberitahu Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli pada Jun lepas.



MUFAKAT... berbincang dan saling bertukar-tukar pendapat

Kesesakan jalan raya dan warga asing perlu diberi perhatian

SUBANG JAYA - Kesesakan jalan raya dan kebanjiran warga asing menjadi topik utama dalam sesi dialog bajet Selangor 2013 peringkat Subang Jaya, selain bandaraya hijau.

Warga Subang Jaya rata-rata mengutarakan pelbagai cadangan bagi memperbaiki isu-isu berhubung perkara di atas, termasuk permintaan untuk memperbanyakkan rumah kos rendah dan rumah mampu milik.

Wakil Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Zon 18, Subang Jaya, Shia Chi Chin berkata, satu kaedah terbaik diperlukan bagi mengatasi masalah kesesakan jalan raya supaya memberi ke-selesaian kepada pengguna jalan raya di kawasan ini.

"Rata-rata wakil persatuan penduduk di sini bersepakat bahawa kesesakan jalan raya perlu diatasi.

"Selain itu Kerajaan Negeri diharap dapat membantu Subang Jaya menjadi bandar hijau," katanya ketika ditemui pada Majlis Dialog Bajet di bangunan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ).

Tambahnya, antara cadangan yang dikemukakan ialah jalan

perlu diselenggara dengan baik, mewujudkan sistem 'intelligent traffic light', memperbanyak sistem kereta api MRT dan LRT, dan menjalankan kajian menyeluruh sistem jaringan jalan raya.

Menurutnya, Kerajaan Negeri juga diharap dapat mempertimbangkan pelan strategik bagi mewujudkan bandaraya hijau dan menjalinkan kerjasama bersama Program ASEAN Centre bagi melaksanakan program teknologi hijau.

Selain itu, Kerajaan Negeri disarankan supaya mengeluarkan garis panduan pemilikan serta penyewaan rumah untuk warga asing, juga cadangan menetapkan kuota peluang pekerjaan dan perniagaan kepada warga asing bagi memberi keutamaan kepada rakyat tempatan.

Program yang dirasmikan Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh itu turut dihadiri Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Abdullah Marjunid, Ahli-ahli Majlis, serta kira-kira 100 orang yang terdiri daripada wakil persatuan penduduk, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta warga kerja MPSJ.

Warga Shah Alam minta peluang perniagaan

Oleh HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri diminta memperbanyakkan peluang perniagaan kepada rakyat di bandaraya ini supaya kedudukan ekonomi masyarakat berkembang kukuh, seterusnya menyumbang kepada kemajuan Selangor.

Dalam Majlis Dialog Bajet Selangor 2013 peringkat Shah Alam, warga bandaraya juga berharap kursus keusahawanan dan program bimbingan diperbanyak dan diperluaskan, khususnya kepada golongan kurang mampu dan muda.

Peserta dialog turut mencadangkan agar usaha untuk menghidupkan bandaraya dapat dipertingkatkan dan kempen kitar semula bahan buangan diperluaskan.

Pengurus Perhubungan Awam SJ Properties Sdn Bhd, Nurul Wahidah Choo Abdullah, 47, berharap pemeliharaan kawasan hijau perlu diutamakan

supaya alam sekitar dapat dilindungi daripada dicemari.

"Kempen satu rumah satu pokok juga boleh dipraktikkan di bandaraya ini," katanya ketika ditemui Selangor Kini.

Majlis tersebut adalah antara yang terakhir yang dikendalikan Unit Perancang Ekonomi Negeri (Upen) bagi mengumpul pendapat awam sebelum merancang belanjawan negeri.

Pendapat yang sama turut dikongsi Mohamad Nizam Marzuki, 36, dari Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) dengan menambah, Kerajaan Negeri perlu memberi penekanan terhadap pengurusan sisa pepejal supaya ia dapat diselenggarakan dengan lebih baik.

"Masalah longkang dan jalan yang tidak diselenggara dengan baik terutama di kawasan rumah kos rendah dan kampung harus diatasi segera, di samping menyediakan dan menyelenggara kawasan rekreasi dengan lebih baik.

"Penggunaan teknologi hijau perlu digalakkan dengan lebih meluas dan proaktif di Selangor," katanya.

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains, Teknologi dan Inovasi, Rodziah Ismail dalam uca-

pan perasmian majlis tersebut berkata, perkembangan ekonomi negeri tidak dapat dilaksanakan kalau sekadar melibatkan pihak Kerajaan Negeri sahaja.

Warga bandaraya juga berharap kursus keusahawanan dan program bimbingan diperbanyak dan diperluaskan, khususnya kepada golongan kurang mampu dan muda



Wakil penduduk dan NGO, berkumpul mengutarakan isu dan cadangan

SELAMAT MENYAMBUT RAMADAN Al-Mubarak

KEPADA SELURUH UMAT ISLAM

DENGAN INGATAN TULUS IKHLAS
DARIPADA

PENASIHAT EKONOMI NEGERI SELANGOR
DATUK SERI ANWAR IBRAHIM

& ISTERI
DATUK SERI DR WAN AZIZAH WAN ISMAIL



Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

SHAH ALAM - Burhan Salikon, 45, merupakan bekas asnaf miskin daerah Kuala Selangor yang berjaya dalam perniagaan makanan cendol hasil bantuan Lembaga Zakat Selangor (LZS).

Di sebalik kejayaannya, Burhan pernah jatuh muflis gara-gara salah percaturan dalam perniagaannya yang menyebabkan beliau sekeluarga seperti orang terbiar.

Kata beliau, anak-anaknya pernah keciciran sekolah selama enam bulan sehingga LZS menyediakan pelbagai bantuan seperti bantuan pendidikan, terutamanya bantuan kewangan bulanan buat beliau sekeluarga.

"Dengan semua bantuan inilah yang membuat saya kuat untuk pulih kembali meneruskan hidup dengan dengan membuka gerai Cendol Durian Borhan di Pasir Penambang, Kuala Selangor," katanya yang sudah mengusahakan perniagaan ini sejak 1987.

Sebelum ini, LZS menyalurkan sebanyak RM9,490 pada 2010 untuk membeli peralatan seperti set generator, mesin memproses cendol, mesin memerah santan, pengisar air batu dan peti ais.

LZS meluluskan lagi bantuan membina gerai sebanyak RM12,386 diiringi modal pusingan sebanyak RM5,000 dan kini perniagaannya sudah maju dan mulai penghujung tahun 2010 beliau sudah keluar dari-

Penerima asnaf buktikan kemampuan berniaga



BERJAYA...
Sakilla menerima anugerah daripada DYMM Sultan Selangor

Dengan semua bantuan inilah yang membuat saya untuk pulih kembali meneruskan hidup dengan dengan membuka Gerai Cendol Durian Borhan di Pasir Penambang, Kuala Selangor

- BURHAN SALIKON
Penerima bantuan LZS

Mohamed, 33, seorang ibu tunggal dari Klang menerima anugerah itu hasil bantuan zakat kepadanya untuk mengusahakan perniagaan orkid.

Bangkit daripada kegagalan setelah berpisah dengan bekas suami kira-kira dua tahun lalu, LZS menyalurkan bantuan berjumlah RM20,000, berupa stok jualan pokok bunga dan modal pusingan.

Beliau kini berjaya menjadi pengusaha ladang orkid berjaya di tanah seluas 1/4 ekar sehingga meraih pendapatan sebanyak empat angka sebulan dan kini telah pun menunaikan zakat di LZS.

pada senarai asnaf.

Borhan dipilih menerima Anugerah Tokoh Usahawan Asnaf pada Majlis Berbuka Puasa Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor bersama Rakyat di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, minggu lalu.

Turut hadir pada majlis itu, Raja Muda Selangor, Tengku

Amir Shah ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah, Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Mohamed Khusrin Munawi, barisan Exco dan Adun-Adun Selangor, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (Jais), Datuk Marzuki Hussin dan Pengerusi Majlis Agama Islam

Selangor (Mais), Datuk Setia Mohamad Adzib Mohd Isa.

Seramai lima orang Tokoh Usahawan Asnaf dipilih untuk menerima anugerah, iaitu Burhan Salikon, Mohd Yattim Abd Ghani, Sharifah Surit, Sheikh Abd Rahim Sheikh Yahya dan Sakilla Hanis Mohamed.

Sementara itu, Sakilla Hanis

Selangor Kini

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Faekah Husin

Arfa'ezza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG

Sheridan Mahavera Mohd Shakir

PENGARANG BERITA

Najib Hashim

PEN. PENGARANG BERITA

Mohd Ezli Mashut

PEMBANTU PENGARANG

Rusidah Salim

WARTAWAN

Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com

Afeeqa Afeera:

afeeqa_afeera@yahoo.com

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com

Norhayati Umer: chayunkyatt@gmail.com

JURUGAMBAR:

Raheemie Arifin, Shuaib Ayob &

Helmy Dawi

GRAFIK & REKALETAK

Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran Akuatik 13/43, Seksyen

13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856

Emel: newsselangorkini@gmail.com

Nyamuk Toxo dapat kurangkan populasi Aedes

PUCHONG - Usaha mengurangkan populasi nyamuk Aedes melalui pembiakan nyamuk 'Toxo' (Toxorhynchites) dilihat membuahkan hasil dengan penurunan kadar kes demam denggi di Kampung Seri Aman Berkat, di sini.

Menurut Pengarah Kesihatan Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Dr Roslan Mohamed Hussin, program yang masih di bawah peringkat kajian dan pemantauan setakat ini memberikan hasil positif.

"Mengikut laporan, tahun lepas, kes demam denggi di kampung ini mencatat angka 27 kes dilaporkan, namun kini kes menurun kepada di bawah 15 kes sahaja.

"Ini kerana, nyamuk Toxo dapat berkembang biak menjadi ejen kawalan nyamuk Aedes secara berterusan dan ia juga

mempunyai jangka hidup yang lebih lama berbanding Aedes," jelas beliau.

Jentik-jentik nyamuk Toxo atau dikenali sebagai 'nyamuk gajah' bertindak memakan jentik-jentik nyamuk Aedes, sekaligus mengurangkan pembiakan pembawa demam denggi itu.

Beliau hadir menemani Timbalan Yang Di Pertua MPSJ, Abdullah Marjunid, menyempurnakan Fasa Ketiga melepaskan 400 ekor nyamuk Toxo peringkat dewasa, selain 100 lagi di peringkat larva.

Program yang bermula sekitar Jun 2011 ini merupakan usaha bersama antara MPSJ dengan Universiti Sains Malaysia (USM) dan CIMB Bank yang turut bertindak memberi suntikan dana sebanyak RM60, 000 bagi menjayakannya.

Fasa Pertama pada 29 Okto-

ber 2011 disempurnakan Exco Kerajaan Negeri, Teresa Kok yang melepaskan nyamuk Toxo di Kampung Seri Aman Berkat, sementara Fasa Kedua diadakan pada 17 Januari tahun ini.

Pihak MPSJ juga tidak menolak kemungkinan untuk melepaskan

lagi nyamuk dewasa Toxo berdasarkan penyelidikan USM.

"Kita difahamkan program ini akan melalui beberapa fasa pelepasan Toxo, jadi kita akan patuhi segala pandangan pakar dari USM bagi melancarkan program ini," tambah Abdullah.



Dr Roslan dan Abdullah sedang melepaskan nyamuk Toxo

MiMBAR tawar pakej niaga untuk rakyat

Menteri Besar bersama Exco Selangor, Ronnie Liu, melihat barang-barang yang dihasilkan MiMBAR sewaktu pamiran



Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Melangkah setapak lagi, program Mikro Kredit Miskin Bandar (MiMBAR) Selangor baru-baru ini memperkenalkan pakej bantuan pinjaman baru, iaitu Pakej Bantuan Niaga Produk dan Pakej Kombo.

Pakej yang disediakan ini memudahkan para peniaga memiliki dan menjual produk-produk berkualiti di pasaran dengan harga yang jauh lebih murah, selain menjana pendapatan daripada keuntungan produk tersebut.

Pengurus Jabatan Promosi dan Acara MiMBAR, Hafizatul Akma Othman berkata, Pakej Bantuan Niaga mengandungi produk bernilai RM1,500 yang terdiri daripada produk susu kambing DHA bagi ka-

nak-kanak, susu kambing collagen bagi dewasa, jeruk madu, kopi serta produk kecantikan wanita.

Menerusi pakej ini katanya, pemohon akan mendapatkan bantuan pinjaman yang dinilai kepada kuantiti barangan tertentu.

Beliau berkata, pemohon boleh memilih pakej-pakej produk yang disediakan bergantung kepada kehendak mereka sendiri.

"Pakej Kombo pula disediakan bagi peserta yang inginkan bantuan perniagaan melalui pinjaman mikro kredit dan juga bantuan niaga produk dalam satu pakej.

"Tawaran ini dibuat kepada para peniaga yang dilihat berpotensi untuk memasarkan produk-produk yang disediakan MiMBAR Selangor. Tambahan bantuan niaga produk ini tidak menekankan seba-

rang paksaan kepada peserta untuk mengambilnya.

"Walau bagaimanapun, peserta tidak boleh menukarkan produk ini kepada nilai wang mikro kredit kerana ia merupakan satu tawaran tambahan kepada peserta itu sendiri," katanya dalam satu kenyataan media.

Hafiza berkata, inisiatif ini dilihat sebagai pemangkin dalam membimbing peniaga untuk bergerak secara komited dan berdikari dalam usaha mencapai polisi 'workfare' yang dilaksanakan Kerajaan Negeri.

Katanya lagi, kedua-dua pakej itu tidak memerlukan peserta membayar yuran keahlian, tidak perlu membuat jaringan sistem piramid, malah tidak membebaskan mana-mana pihak.

Jelasnya, peniaga boleh menjual semula harga produk kepada MiMBAR sekiranya mereka tidak berkemampuan untuk menjual produk tersebut dalam masa tiga bulan.

"Pakej yang disediakan bukan sahaja mampu membawa rakyat menikmati kelebihan sama rata, bahkan ia juga sekali gus menjadikan MiMBAR sebagai pusat pengedar yang telus.

"Inisiatif ini juga mampu menggalakkan peniaga supaya lebih agresif, berkeyakinan, dan bersungguh-sungguh dalam usaha menambah pendapatan seisi keluarga," ujarnya.



Antara produk-produk yang dihasilkan peserta Mimbar



PAKEJ-PAKEJ PRODUK YANG DITAWARKAN

PAKEJ KOMBO (Mikro Kredit + Produk Bernilai RM500)

Jenis Produk	Kuantiti
• Air Gau 500ml	2 Kotak
• Susu Kambing DHA 650g	4 Botol
• Susu Kambing Coklat 650g	4 Botol
• Kopi Nenas	6 Papan
• Kopi Extra	6 Kotak Kecil
• Kopi Susu Kambing	6 Papan
• Tongkat Ali	

Pakej Bantuan Niaga Produk Susu bernilai RM500

• Susu Kambing DHA 650g	11 Botol
• Susu Kambing Coklat 650g	10 Botol

Pakej Bantuan Niaga Produk Kopi bernilai RM500

• Kopi Nenas	11 Papan
• Kopi Xtra	11 Kotak Kecil
• Kopi Susu Kambing	10 Papan
• Tongkat Ali	

Pakej Bantuan Niaga Produk Jeruk bernilai RM500 (Terdapat Tiga Jenis Pakej)

• Ceri Campur	1 Tong
• Kedondong (Hijau)	1 Tong
• Mangga Kuning	1 Tong
• Salak Madu	1 Tong

Pakej Bantuan Niaga Produk Nuroselle bernilai RM500

• Set Lengkap (Cleanser, Toner, Night Cream, Day Cream)	6 Kotak
• Starter Kit (Paper Bag, Banting, Flyer)	1 Set

Pakej Bantuan Niaga Produk Air Gau bernilai RM500

• Air Gau 500ml	32 Kotak
-----------------	----------

Pakej Bantuan Niaga Produk Kanopi bernilai RM500

• Kanopi MiMBAR 10x10	1
• Air Gau 500ml	16 Kotak

INFO

PEJABAT MiMBAR SELANGOR

A23, Pusat Perniagaan Jubli 20
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20
40300 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Laman web: www.mimbarselangor.org
Facebook: MiMBAR.Selangor



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha berkunjung ke Balai Bomba Petaling Jaya sambil menghulurkan sumbangan sempena Ramadan kepada kakitangan di situ



▲ Adun Chempaka, Iskandar Samad serta petugas, mengedarkan bubur lambuk di hadapan Surau Ubudiah, Pandan Indah



▲ Selain mengedarkan kurma kepada peniaga di Bazar Seksyen 7, Shah Alam, Adun Kota Anggerik, Dr Yaakob Sapari, turut mengambil kesempatan beramah mesra dengan para peniaga di situ



▲ Adun Hulu Kelang, Saari Sungib sedang membersihkan iklan haram di salah sebuah papan tanda jalan di Taman Permata sambil diperhatikan Pengerusi JKP MPAJ Zon 1, A Yazid Alias dan sukarelawan Selangorku



▲ Majlis sumbangan kurma kepada kakitangan Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) sempena menyambut bulan Ramadan



▲ Penyelaras DUN Semenyih, Nor Azlan Mohammad, menyerahkan mesin tebu dan mesin memproses soya kepada penduduk bagi memulakan perniagaan pada bulan Ramadan. Turut disumbangkan juga ialah mesin rumput dan barangan keperluan lain



▲ Adun Bangi, Dr Sahfie Abu Bakar, turun ke beberapa surau menyampaikan sumbangan Ramadan ke kawasan taman perumahan di sekitar Bandar Baru Bangi



▲ PENYAYANG... Ahli Parlimen Kuala Selangor, Dr Dzulkefly Ahmad, meraikan peserta Jom Shopping Bonus Selangorku di Econsave Alam Jaya, Puncak Alam

▲ Aliza Jaafar menyampaikan sumbangan berjumlah RM5,000 daripada Pekawani kepada Gerakan Mansuhkan ISA (GMI) yang diterima pengerusinya, Syed Ibrahim Syed Noh. Dalam program tersebut, GMI turut mengalu-alukan sumbangan orang ramai untuk aktiviti kempen 'Bebaskan ISA 45'



▲ TAHNIAH... Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali, bergambar kenangan dengan kaum wanita Kampung Sungai Sireh Utama, Kampung Sungai Sireh Tambahan dan Kampung Sungai Sireh Tambahan Dua pada Majlis Penyampaian Surat Kelulusan Pemberimilikan Tanah Kerajaan dan Notis 5A di Pelabuhan Klang

PR selesai masalah banjir 10 tahun Kg Melayu



SIAP... Harri (jaket hitam) dan Penyelaras PKM, Khairuddin (kiri) melihat keadaan longkang sewaktu masih dalam pembinaan

10 TAHUN hidup tertekan, akhirnya penghuni kira-kira 150 kediaman sepanjang jalan utama Kampung Melayu, Sungai Buloh mampu menarik nafas lega apabila projek infrastruktur bagi mencegah kejadian banjir kilat di kawasan kediaman mereka itu siap sepenuhnya.

Projek mengatasi masalah banjir kilat itu melibatkan pembesaran Sungai Buloh dan juga pembinaan sebuah longkang besar selebar dua meter yang menjangkau sejauh 400 meter.

Menurut Penolong Pegawai Penyelaras (Pendidikan dan Infra) Pusat Khidmat Masyarakat DUN Paya Jaras, Harri Mohd Hassan, projek bernilai RM400 ribu itu siap November lalu.

"Air banjir kilat memang naik

dengan cepat dan kadang-kadang menyebabkan penduduk tidak sempat menyelamatkan perabot, barangan elektrik dan sebagainya.

"Tetapi sekarang alhamdulillah... sejak longkang besar ini siap dibina dan kerja melebarkan Sungai Buloh dibuat, belum ada berlaku banjir kilat lagi, walaupun hujan turun dengan lebat," katanya ketika ditemui Selangor Kini, baru-baru ini.

Menurut Harri, pemimpin Kerajaan Negeri BN terdahulu mengambil sikap sambil lewa terhadap masalah infrastruktur sehinggakan masalah banjir kilat di kawasan terbabit berlarutan dalam jangka masa panjang.

"Dahulu, masa bawah BN, bukan tak ada kerja menaik taraf longkang dilakukan, tetapi ker-

Tetapi sekarang alhamdulillah... sejak longkang besar ini siap dibina dan kerja melebarkan Sungai Buloh dibuat, belum ada berlaku banjir kilat lagi, walaupun hujan turun dengan lebat

HARRI M. HASSAN
Penolong Pegawai Penyelaras (Pendidikan dan Infra) Pusat Khidmat Masyarakat DUN Paya Jaras

PUSAT KHIDMAT DUN PAYA JARAS

No. 19a Jalan Liter Du 19/D,
Fasa 3, Bandar Baru Sg. Buluh,
Seksyen U19, 47000 Sg Buloh
Tel :03-6140 1590
Fax :03-6141 3960
Baharuddin Berlian
017-2201449
Daud Yaacob 019-2341355

ja dibuat seperti melepas batuk di tangga.

"Buat kerja tak sempurna, kerja tak siap, buat sini sikit, sana sikit dan akhirnya duit kerajaan keluar, tetapi masalah tak juga selesai," kata Harri.

Menurut Ketua Kampung terbabit, Zulkikli Abu Hassan kepada Selangor Kini, projek in-

frastruktur Kerajaan Negeri itu membuatkan kehidupan penduduk di kawasan itu lebih selesa berbanding sebelumnya.

"Sebelum ini memang teruk, sampaikan kalau kita berada di tempat lain atau sedang bekerja, bila hujan sahaja hati mula tak tenang sebab hujan kejap pun dah menyebabkan rumah dimasuki air banjir.

"Sekarang dah okey, memang lega banyak sebab bila hujan air mengalir terus ke dalam longkang besar yang baru, hati tak susah macam dahulu," katanya.

Selain penduduk kampung turut selamat dari banjir kilat ialah dua sekolah, iaitu Sekolah Kebangsaan Sungai Buloh dan Sekolah Agama Zahidiah yang sebelum ini kerap dinaiki air.

Desak polis umum siasatan edar borang MyKad kepada warga asing

Oleh NAZLI IBRAHIM

SUNGAI BULOH - PAS Selangor mendesak polis mengumumkan hasil siasatan terhadap sebuah sindiket pengedaran borang permohonan MyKad kepada warga asing di beberapa kampung sekitar Paya Jaras.

Menurut Setiausaha PAS Selangor, Mohd Khairuddin Othman, dua laporan polis yang dibuat di Balai Polis Sg Plong dan Shah Alam pada tahun 2010 dan 2011 sebelum ini tidak mendapat reaksi pasukan keselamatan itu.

"Sudah setahun lebih laporan polis dibuat, tetapi tiada sebarang maklumat daripada polis, bahkan sindiket tersebut masih terus bergerak sampai sekarang," kata Khairuddin yang juga meru-

pakan Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat DUN Paya Jaras.

Menurut Khairuddin, rumah warga asing di Jalan Gajah 23,

STATISTIK LAPORAN PENGUNDI TERKINI DAN PERBANDINGAN DUN PAYA JARAS

2007

29,163 pengundi

2012

41,249 pengundi

Terdapat peningkatan sebanyak 12,085 atau 41 peratus pengundi di DUN Paya Jaras.

Kampung Kubu Gajah dan Kampung Paya Jaras Hilir dikenal pasti sebagai lokasi yang sering dijadikan tempat pengedaran borang permohonan MyKad kepada warga Indonesia dan Kemboja di situ.

Khairuddin memberitahu kedua-dua kampung tersebut merupakan kampung yang hampir kesemua penduduknya terdiri daripada warga Indonesia dan Kemboja.

"Memang pelik, borang MyKad boleh diedarkan sewenang-wenangnya, sedangkan permohonan perlu dibuat di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara.

"Mengapa perlu diadakan secara sorok-sorok pada lewat malam?" kata beliau lagi.

Tambah beliau, walaupun jentera pilihan raya PAS Selangor

sendiri pernah 'menyerahkan' kumpulan sindiket itu kepada polis untuk tindakan susulan, tetapi kegiatan tersebut masih terus berjalan.

Menurut Khairuddin, kes tersebut mengingatkannya terhadap kes pemberian kad pengenalan secara beramai-ramai kepada warga asing di Sabah sedikit masa dahulu yang dianggap sebagai faktor kemenangan BN di Sabah.

Khairuddin turut mendakwa terdapat gerakan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang mendaftarkan isteri-isteri tentera dalam senarai pemilih tanpa pengetahuan individu terbabit.

"Saya dimaklumkan oleh satu sumber dalam tentera sendiri, hampir 80 peratus isteri tentera yang didaftarkan sebagai pemi-



Sudah setahun lebih laporan polis dibuat, tetapi tiada sebarang maklumat daripada polis, bahkan sindiket tersebut masih terus bergerak sampai sekarang

MOHD KHAIRUDDIN
Setiausaha PAS Selangor

lih tidak mengetahuinya," ujar Khairuddin lagi.

Di Sungai Buloh, sekurangnya terdapat dua buah kem tentera termasuk yang berada di kawasan DUN Paya Jaras.

PUSAT KHIDMAT DUN KUANG
12A, Masgenuine Square, Jalan Melati, 53100 Kuang,
Tel : 03-60385104 / 03-6038 5098 Fax : 03-6038 5098
Azman Yusof 012-9275751
Azman Yakov 019-2212422

Gotong-royong bina jambatan baru

Oleh NAZLI IBRAHIM

SUNGAI BULOH - Penduduk Kampung Melayu Seri Kundang dan Taman Rahmat Jaya di sini tidak lagi bimbang tentang keselamatan mereka ketika menyeberangi jambatan yang menghubungkan dua kawasan terbabit.

Ini kerana jambatan kayu yang semakin uzur sebelumnya telah digantikan dengan jambatan konkrit yang lebih kukuh.

Menurut Pegawai Khas Penyelaras DUN Kuang, Azman Yakob, projek pembinaan jambatan konkrit bernilai RM14,000

itu berjaya disiapkan selepas kawasan tersebut dilanda banjir pada tahun lalu.

“Sebelum itu memang sudah ada perancangan untuk bina jambatan baru di situ, tetapi apabila jambatan lama mengalami kerosakan teruk selepas banjir, projek tersebut terpaksa dilaksanakan serta-merta untuk kemudahan penduduk.

“Malah, kami menyelaras kerja secara bergotong-royong bersama penduduk untuk bina jambatan itu dengan PKM keluarkan peruntukan.

“Cara ini lebih baik, selain dapat disiapkan dengan cepat, ia



Sebelum itu memang sudah ada perancangan untuk bina jambatan baru di situ, tetapi apabila jambatan lama mengalami kerosakan teruk selepas banjir, projek tersebut terpaksa dilaksanakan serta-merta untuk kemudahan penduduk

AZMAN YAKOB
Pegawai Khas Penyelaras DUN Kuang



Pembinaan jambatan konkrit dibuat serta-merta apabila jambatan lama rosak teruk akibat banjir

juga dapat merapatkan hubungan sesama penduduk di sini,” ujar beliau.

Selain jambatan yang menghubungkan Taman Seri Kundang dan Taman Rahmat Jaya, peruntukan bagi menurap jalan baru turut disalurkan di kawasan terlibat dan kampung-kampung lain.

Antara jalan yang baru sa-

haja disiapkan pada awal bulan Julai baru-baru ini adalah jalan sepanjang satu kilo meter membabitkan Lorong Ciku Lintang, Kampung Damai yang menelan belanja sebanyak RM145,000.

“Selain itu Lorong Tempines yang menelan belanja RM46,000 dan lorong-lorong lain di Kampung Damai juga mendapat peruntukan untuk dinaik taraf,”

30 penduduk gembira terima bantuan bumbung baru



Fitri di depan rumahnya yang sudah dibaiki bumbung

PRIHATIN dengan rintihan penduduk, lebih 30 buah rumah di kawasan DUN Kuang menerima bantuan menukar bumbung usang di kediaman masing-masing.

Menurut Pegawai Khas Penyelaras DUN Kuang, Azman Yakob berkata, program bantuan tersebut dilaksanakan bagi meringankan beban golongan kurang berkemampuan agar dapat tinggal di kediaman masing-masing dengan selesa berbanding sebelumnya.

“Sesiapa pun layak, tak kira fahaman politik, sekiranya memerlukan dan memenuhi syarat, kita bantu.

“Kebanyakannya atap rumah-rumah yang kita tukar baru ini sudah usang, terdapat banyak kebocoran, tetapi disebabkan bebanan kewangan, ia tidak diganti,” kata beliau.

Sementara itu, kunjungan Selangor Kini di salah sebuah rumah yang menerima bantuan tersebut mendapati sebahagian dari bumbung rumah terbabit ditukar kepada bumbung zink baru.

“Alhamdulillah... sebab tak lama lagi pun dah nak raya, setidak-tidaknya beban kami lebih ringan dengan adanya bantuan ini.

“Terutama dengan keadaan tuk wan saya yang semakin uzur, dah tak kuat untuk bergerak. Bila hujan turun sahaja pasti rumah kami dimasuki air di sana sini,” kata Muhammad Fitri Che Nan kepada Selangor Kini.



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor Pusat Khidmat Kontraktor/Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini dan kerja/bekalan berikut :-

Pejabat yang memanggil tender	Tajuk Projek (Pembiayaan)	*Jenis Pendaftaran	Taraf	Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Dijual	Tempat & Tarikh Melapor Diri Bagi Ditapak	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	Cadangan Menaik Aras Jalan Kawasan Banjir Di Laluan B44 Jalan Sg. Panjang, Daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. No. Tender: JKR/SEL (N)052(T)2012	T1	Bumiputera <i>Kontraktor adalah diwajibkan berdaftar dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)</i>	PKK Kelas : D Kepala : 1 Sub. Kepala: 1 Kepala: IV Sub-Kepala: 1,3(b), 3(c), 3(d) & 8 Dan CIDB	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor Shah Alam. Pada 03/08/2012 (Jumaat) Hingga 15/08/2012 (Rabu) Waktu Urusniaga Isnin-Khamis 8.00-12.00tgh. 2.00ptg-4.00ptg Jumaat: 8.00pg-11.00tgh. 2.45ptg- 4.00ptg	Lawatan Tapak adalah digalakkan Sebarang pertanyaan sila berhubung dengan: Bagian Kontrak Dan Ukur Bahan, JKR Selangor: 03- 55447758 Bahagian Jalan, JKR Selangor: 03-55447800	RM 250.00 (Bank Draf atau Kiriman Wang Pos) (bayaran ini tidak akan dikembalikan) Atas Nama: Pengarah Kerja Raya Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada 04/09/2012 (Selasa) Sebelum/Pada Jam 12.00 tengahari. Tender yang lewat diterima tidak akan dilayan

Dokumen tender dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar di Pusat Khidmat Kontraktor/ Kementerian Kewangan dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja/bekalan berikut :-

- *Jenis Pendaftaran:**
- T1 - Syarikat yang 100% ekuiti Bumiputera milik tempatan (Warganegara).
 - A1 - Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia oleh Warganegara Malaysia dan Pegangan saham individu asing tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
 - A2 - Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia dan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan dan pekerja adalah warganegara.
 - T2 - Tidak berkenaan

UNISEL MESRA SELANGOR



SUMBANGAN UNISEL KEPADA MASYARAKAT

- Penubuhan Makmal Pengajaran Akuakultur di Bestari Jaya
- Pusat Kajian Sumber Akuatik, Flora dan Fauna
- Makmal yang lengkap untuk kajian dan pembangunan Bio-IT Selangor
- Projek Pembersihan Kultur Spirulina di Batang Kali, Selangor
- Program Sekolah Sahabat Unisel - Program tuisyen kepada 10 buah sekolah terpilih sekitar Selangor
- Kajian dan Penyelidikan Teknologi Hijau dan Bersepadu Negeri Selangor
- Kajian Amalan Remaja Terhadap Sunnah Rasul
- Program Fast-Track SPM - persediaan pelajar tahfiz menghadapi SPM 2012
- Majlis ilmu anjuran Unisel melibatkan para ilmuan dan profesional untuk masyarakat

DANA DARI KERAJAAN NEGERI SELANGOR

- Geran Penyelidikan Projek Spirulina
- Dana Pembangunan Enjin / Automobil Fakulti Kejuruteraan
- Geran untuk Seminar IAB-IAS International Symposium 2010
- Geran Penyelidikan Teknologi Hijau dan Bersepadu
- Dana keindahan dan penambahbaikan infrastruktur Kampus Bestari Jaya
- Pemilikan 800 ekar tanah untuk pembangunan jangka panjang Unisel
- Geran Penambahbaikan Infrastruktur Komputer Unisel

DAERAH-DAERAH YANG TERLIBAT

- | | | |
|---|---|--|
| <p>SABAK BERNAM
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Bagan Terap (2012)
 • SMK Munshi Abdullah (2011)</p> <p>Program Mesra Masjid
 • Masjid Nurul Falah, Sekinchan
 • Masjid Makmuriah, Sg. Besar
 • Masjid Nurul 'Alaniah, Sekinchan
 • Masjid Ma'muniah Sg Nipah</p> <p>KUALA SELANGOR
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Raja Muda Musa (2012)
 • SMK Seri Tanjong (2011)</p> <p>HULU SELANGOR
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Ampang Pechah (2012)
 • SMK Kalumpang, Kerling (2011)</p> <p>Program Mesra Masjid
 • Masjid Jamek Ar-Rahimah, Kuala Kubu Bharu
 • Masjid Abidin Sg Selisik
 • Masjid Bandar Utama Batang Kali
 • Masjid Al-khalidiah, Rasa
 • Masjid Al-falah, Hulu Yam Bharu, Batang Kali
 • Masjid Al-taqwa, Kerling
 • Masjid Al-ubudiah Kerling</p> | <p>PETALING
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Puchong Batu 14, Petaling Perdana (2012)
 • SMK Lembah Subang, Petaling Utama (2012)
 • SMK Taman Sri Muda (2011)
 • SMK Taman Medan (2011)</p> <p>Program Mesra Masjid
 • Masjid Jamek Raja Tun Uda Sek.16, Shah Alam
 • Masjid Al-Fitrah, Ttdi Jaya
 • Masjid An-nur, Kampung Melayu Subang
 • Masjid Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz
 • Masjid Pangkalan TUDM Subang
 • Masjid Al-falah Usj 9, Subang Jaya
 • Masjid Abu Bakar As-siddiq, Ss19, Subang Jaya
 • Masjid An-nur Usj 4, Subang Jaya
 • Masjid Al-taqwa, Desa Subang Permai
 • Masjid Nurul Ehsan Kg Medan</p> <p>KLANG
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Meru (2012)
 • SMK Telok Gadong, Teluk Pulai (2011)</p> <p>Program Mesra Masjid
 • Masjid Dato' Dagang, Klang
 • Masjid Diraja Sultan Suleiman, Klang
 • Masjid Al-Hidayah, Johan Setia
 • Masjid India Muslim, Klang
 • Masjid Bandar Diraja, Klang</p> | <p>HULU LANGAT
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Abdul Jalil (2012)</p> <p>SEPANG
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Putra Perdana (2012)
 • SMK Sungai Rawang, Sg Pelek (2011)</p> <p>Program Mesra Masjid
 • Masjid Putra Perdana</p> <p>GOMBAK
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Bukit Gading (2012)
 • SMK Sungai Kertas, Batu Caves (2011)</p> <p>KUALA LANGAT
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Sijangkang Jaya (2012)
 • SMK Batu Laut, Tanjung Sepat (2011)</p> <p>AMPANG
 Program Sekolah Sahabat
 • SMK Taman Tasik (2011)</p> |
|---|---|--|

MPK efektif dalam pembersihan Sungai Klang

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) berharap supaya permohonan bajet sejumlah RM500,000 yang dipohon kepada Kerajaan Negeri untuk membersihkan Sungai Klang dapat diluluskan segera.

Pemangku Yang Dipertuannya, Ehsan Mukri berkata, ia bagi menangani keadaan sungai itu yang semakin kritikal dengan anggaran longgokan sampah melebihi 500 tan.

Ekoran insiden itu katanya, ia menjejaskan kualiti air sungai yang pernah menjadi jalan penghubung suatu ketika dahulu.

"Kita sudah hantar permohonan kepada Mesyuarat Tindakan Ekonomi Selangor (MTES)

baru-baru ini dan akan dirujuk kepada Pegawai Kewangan Negeri untuk menentukan sama ada bajet itu boleh diluluskan atau tidak.

"Sekiranya bajet itu diluluskan, kita akan membeli lebih banyak sampan (bot) untuk membolehkan kesemua sampah itu dikutip dan Sungai Klang dibersihkan," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Bulanan MPK di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, sehingga kini sebanyak sepuluh bot persatuan nelayan sekitar kawasan ini menyertai gerak kerja pembersihan dengan mensasarkan kutipan satu tan sampah sehari bagi sebuah bot.

Menurut Ehsan, pasukan nelayan yang lebih dikenali sebagai 'River Rangers' itu diyakini mampu membersihkan kotoran dengan kadar efektif, sekali gus menjadikan Sungai Klang lebih menarik berbanding sebelum ini.

Jelasnya, selain pembersihan, program itu secara tidak langsung dapat menjana pendapatan tambahan bagi para nelayan melalui bayaran yang diterima hasil kutipan sampah.

Terdahulu, MPK telah mengadakan lawatan khas pembersihan Sungai Klang yang turut disertai Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, Dr Halimah Ali.



Dr Halimah ketika dibawa meninjau keadaan Sungai Klang

Pusat dicabar henti keluar lesen rumah urut



Ronnie bersama pihak MBPJ melihat barangan yang disita sebelum dilupuskan

Oleh AFIX REDZUAN

PETALING JAYA - Exco Kerajaan Tempatan, Ronnie Liu mencabar Kerajaan Persekutuan supaya menghentikan pengeluaran lesen bagi premis rumah urut selain menutup premis sedia ada di semua negeri yang ditadbir Umno-BN.

Perkara tersebut dilontarkan kerana sebelum ini pelbagai pihak mendakwa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor mengeluarkan banyak lesen premis rumah urut sejak Pakatan Rakyat (PR) ambil alih

pentadbiran.

Menurut Ronnie, sejak tahun 2006, tiada lesen baru dikeluarkan kepada mana-mana pihak, sebaliknya memantau operasi perniagaan yang diwarisi daripada pemerintahan Umno-BN.

"Kalau fikir semua rumah urut buat kegiatan maksiat, saya minta Menteri Dalam Negeri perlu hentikan permit pekerja asing. Saya cabar negeri di bawah BN tutup sekali (rumah urut), Selangor akan ikut," katanya.

Katanya, premis rumah urut sedia ada masih boleh operasi kerana mematuhi peraturan yang ditetapkan. Pihak berkuasa hanya akan mengambil tindakan membatalkan lesen premis berkenaan sekiranya melanggar peraturan.

Jelas beliau, PBT perlu mencari inisiatif terbaik untuk mengatasi masalah rumah urut dengan menjalankan operasi lebih kerap selain menjalinkan kerjasama erat dengan polis yang mempunyai kuasa untuk membuat tangkapan dan serbuan.

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilaporkan? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1 -800-22-8100

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
Tel : 03-6064 1331 SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

MAJLIS PERBANDARAN KLANG
www.mpklang.gov.my
Kutipan Sampah
Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);
Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT
www.mdkl.gov.my Tel: 03-3187 2825
SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR
www.mdks.gov.my Tel: 03-3289 1439

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM
www.mdsb.gov.my Tel: 03-3224 1655 / 1000

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
www.mps.gov.my
Bebas tol: 1800-22-2677 Tel: 03 - 6120 8953

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
www.mpsepang.gov.my Tel: 03-8319 0200 / 0300

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
www.mbsa.gov.my
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
www.mpsj.gov.my
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA
www.mbpj.gov.my
Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) / 03-7956 3544 (am)
SMS: Taip "MBPJADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213





**MERAKYATKAN EKONOMI
SELANGOR (MES)**

TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741, Faks : 03-5521 8742 atau
03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rantaaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
emel: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT Pejabat Setiausaha Kerajaan
Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3,
Bangunan S.S.A.A.S, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau
03-55110659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
Laman Web : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,
Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618. Faks : 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622. Faks : 5519 3304

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza
Perangas, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977
Emel: communications@kdeb.com

SKIM KESIHATAN WANITA
Rantaaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

SKIM MIKROKREDIT SELANGOR
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor
Darul Ehsan
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312
Fax : 03-551055829
Laman Web http://www.skimsel.com

PUSAT DIALISIS RAKYAT
Rantaaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PUSAT TUISYEN RAKYAT
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543 Faks: 03-55104095/ 55135564/
55447391
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com

PKNS hulur sumbangan untuk anak-anak yatim



GEMBIRA... Menteri Besar bergambar beramai-ramai dengan anak-anak yatim

Oleh AFEEQA AFEERA

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menyerahkan sumbangan berjumlah RM70,455 kepada Pusat Jagaan Kanak-kanak Yatim dan Miskin Rukaiyah, Sungai Merab.

Sumbangan diserahkan Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, pada majlis kesyukuran sempena Ulang Tahun PKNS ke-48 di Pusat Konvensyen Shah Alam.

Pengurus Besarnya, Othman Omar berkata, sumbangan ini

adalah untuk meraikan anak-anak yatim sempena Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelma tidak lama lagi.

Menurutnya, selain sumbangan duit raya berjumlah RM150 seorang, PKNS turut menyerahkan sepersalinan baju raya, kurma dan biskut raya.

"Sebelum ini PKNS turut mengadakan majlis gotong-royong di Pusat Jagaan Kanak-kanak ini yang dihadiri kira-kira 120 orang wakil daripada persatuan PKNS dan pemain PKNS FC.

"Antara aktiviti yang dijan-

kan ialah mengecat semula blok asrama dan perpustakaan pelajar, membina bumbung di antara dua blok pejabat, membersihkan dalam dan luar blok asrama serta membaik pulih peralatan bilik air yang ditanggung sepenuhnya oleh PKNS," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga akan menyerahkan sumbangan berupa wang ringgit RM150 seorang, kurma dan biskut raya kepada 16 orang anak-anak yatim PKNS dan tiga anggota Orang Kelainan Upaya (OKU), Ogos depan.

DUN Selat Klang anjur tadarus sempena Ramadan

KLANG - Sempena sambutan Nuzul Al-Quran yang bakal menjelma, Dun Selat Klang mengambil inisiatif menganjurkan program tadarus 30 juzuk al-Quran bermula 6 hingga 12 Ogos ini.

Program bertema 'Meaningful Ramadan' ('Ramadan Yang Bermakna) itu membabitkan pelajar

tafhiz di kawasan berkenaan.

Adun Selat Klang, Dr Halimah Ali berkata, program yang membabitkan pelajar tahfiz itu akan berlangsung di Kampung Delek, yang terkenal dengan jolokan 'Mini Serambi Makkah'.

"Selain itu, kita turut menganjurkan program bersama

mahasiswa Kolej Inpens, Kolej Universiti Islam Selangor (Kuis), Universiti Selangor (Unisel) dan Majlis Permuafakatan Mahasiswa Selangor, di mana kita mahu merakyatkan mahasiswa ini," ujarnya pada majlis pemberian sumbangan duit raya di Masjid Darul Muttaqin di sini.

Pada majlis itu, sebanyak RM30,500 daripada Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan selebihnya dari tabung masjid disumbangkan kepada 122 anak yatim daerah Klang.

Penerima yang terdiri daripada anak-anak yatim kawasan Sungai Udang, Sungai Berthi, Kampung Delek, Jalan Yadi dan Jalan Selamat, masing-masing menerima RM250 setiap seorang.

Manakala 66 ibu tunggal dari kawasan yang sama turut menerima sumbangan barangan keperluan harian.



Dr Halimah menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim

7 DUN selesai kenal pasti 100% pengundi



MESRA... Menteri Besar bersalaman dengan pemimpin masyarakat sewaktu majlis terbuka puasa di kediaman beliau

SHAH ALAM - Tujuh Dewan Undangan Negeri (DUN) di Selangor berjaya menyelesaikan proses mengenal pasti pengundi dalam Program Selangorku Bersih.

Tujuh DUN terbabit adalah Rawang, Batu Caves, Bukit Melawati, Sungai Pinang, Sri Kembangan, Morib dan Tanjung Sepat.

Manakala dari 56 keseluruhan kawasan DUN di Selangor, hampir 20 DUN yang lain turut berjaya menyelesaikan lebih 90 peratus dalam program sama.

Demikian menurut Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ketika mengumumkan status terkini program yang dijalankan di bawah Program Pendemo-krasian Rakyat Selangor oleh Kerajaan Negeri.

"Saya harap proses pendemo-krasian ini dapat diselesaikan dalam masa dua minggu lagi," kata beliau pada Majlis Berbuka Puasa Menteri Besar Bersama Pemimpin Masyarakat yang diadakan di kediaman rasminya.

Program Selangorku Bersih diadakan bagi mengenal pasti kewujudan pengundi berdaftar yang sah di Selangor.

Program yang menerima peruntukan sebanyak RM5 juta dari Geran Selangorku ini membabitkan kerjasama antara Adun kawasan, Ahli-ahli Majlis dan Ahli Jawatankuasa Kemajuan Kampung.

Difahamkan keputusan kajian tersebut akan diumumkan setelah keputusan penuh dan analisa dari kajian tersebut dibuat.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
3 - 10 OGOS 2012, 7-14 RAMADAN 1433							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
3 Jumaat	5:42	5:52	7:12	1:22	4:43	7:29	8:42
4 Sabtu	5:42	5:52	7:12	1:22	4:42	7:29	8:42
5 Ahad	5:42	5:52	7:12	1:22	4:42	7:29	8:41
6 Isnin	5:42	5:52	7:12	1:22	4:41	7:29	8:41
7 Selasa	5:42	5:52	7:12	1:22	4:41	7:29	8:41
8 Rabu	5:42	5:52	07:12	1:22	4:41	7:28	8:40
9 Khamis	5:42	5:52	7:12	1:22	4:40	7:28	8:40
10 Jumaat	5:42	5:52	7:12	1:21	4:40	7:28	8:40

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
3 Jumaat	5:44	5:54	7:14	1:24	4:45	7:31	8:44
4 Sabtu	5:44	5:54	7:14	1:24	4:44	7:31	8:44
5 Ahad	5:44	5:54	7:14	1:24	4:44	7:31	8:43
6 Isnin	5:44	5:54	7:14	1:24	4:43	7:31	8:43
7 Selasa	5:44	5:54	7:14	1:24	4:43	7:31	8:43
8 Rabu	5:44	5:54	7:14	1:24	4:42	7:30	8:42
9 Khamis	5:44	5:54	7:14	1:24	4:42	7:30	8:42
10 Jumaat	5:44	5:54	7:14	1:23	4:42	7:30	8:42

DAPATKAN Selangor Kini

- Pejabat Adun / Pusat Khidmat Wakil Pakatan Rakyat
- Pejabat Penyelaras DUN
- Masjid Semasa Solat Jumaat
- Pejabat Penghulu
- Surau - surau terpilih



E-paper Selangor Kini boleh dibaca di www.selangorku.com

dari muka belakang

Pemberian bermakna selepas menunggu sekian lama

Sementara itu, Miron Ipan, 80, seorang Pesara KTMB ketika ditemui melahirkan rasa syukur berikutan hasrat memiliki geran tanah di kampung itu termakbul, setelah menunggu lebih 15 tahun.

Beliau yang menetapkan di Kampung Sungai Sireh Tambahan Dua bersama isterinya, Siti Maimunah Redzuan, 79, menjelaskan pelbagai usaha dan permohonan dilakukan sebelum ini tetapi tidak berhasil.

"Pemberian geran tanah pada hari ini amat bermakna dalam hidup saya dan keluarga kerana kami menunggu saat ini begitu lama. Saya gembira sangat apa-bila ia jadi kenyataan," katanya.

Bagi Shahrizanni Zaman, 33, yang mewakili bapanya, Ahmad Akhirzaman Hamid, 60, berkata, keluarganya menetap di kampung itu sejak kira-kira 30 tahun lalu.

"Kami berusaha beberapa kali memohon pemilikan tanah ini tetapi gagal. Maklum balas diterima mengatakan kedudukan tapak tanah kami masuk ke kawasan pemilik lain. Bagaimanapun ia berubah dalam beberapa tahun kebelakangan ini apabila permohonan kami diberi perhatian dan akhirnya diluluskan.

"Kami gembira dengan keputusan ini yang menandakan Kerajaan Negeri bertindak adil tanpa mengambil kira fahaman seseorang rakyat berhubung politik," katanya.

Turut hadir dalam majlis itu, Exco Kerajaan Negeri, Iskandar Abdul Samad dan Dr Halimah Ali, Ahli Parlimen Kapar, S Manikavasagam, Ahli Parlimen Kota Raja, Dr Siti Mariah Mahmud dan Pegawai Daerah Klang, Datuk Bakhtiar Hussin.

Projek Industri Oleh S3 Land Sdn Bhd

KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT ANGKAT

Kilang Dan Pejabat Berkembar 2 Tingkat

LOT BUMI SAHAJA

Tanah Dari : 12,035 sqft

GLA Dari : 6,306 sqft

Rata-rata Dari : RM 2.39 juta

S3 LAND SDN BHD (902754-U)

No 4-2, Jalan PJS 11/28, Sunway Metro, Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03 - 5636 4251 Fax : 03 - 5632 0840 Email : s3.ba@hotmail.com Web : www.s3land.com.my

Pihak Berkuasa Yang Meluluskan Pelan : Majlis Perbandaran Kajang - No. Rujuk : MPKJ JPP/BPB/KM/ 137 2010 - Tarikh : 10hb November 2010

Maklumat yang terkandung di dalam sisipan akhbar ini adalah tertakluk kepada pindahan semasa tanpa sebarang pemberitahuan kerana mungkin diperlukan oleh pihak berkuasa berkaitan atau cadangan oleh Arkitek-arkitek atau Jurutera-jurutera dan tidak boleh mempunyai sebarang hubungan didalam urusan penawaran. Semua gambaran adalah ilustrasi pelukis. Semua ukuran adalah anggaran.

63.5 ekar tanah Kg Sg Sireh digazet sebagai rizab Melayu

Oleh HAFIZAN TAIB

PELABUHAN KLANG - Di sebalik tuduhan Umno-BN bahawa Kerajaan Negeri gagal membela kepentingan orang Melayu di Selangor, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim bersetuju menggazetkan Kampung Sungai Sireh Utama, Tambahan dan Tambahan Dua meliputi kawasan seluas 63.5 ekar sebagai tanah rizab Melayu.

Menteri Besar berkata, keputusan tersebut diambil hasil perbincangan dengan pelbagai pihak terlibat serta bagi meningkatkan pemilikan tanah rizab Melayu untuk rakyat di Selangor.

“Kerajaan Negeri mempunyai kuasa untuk menentukan rizab tanah Melayu ini dan kita berbincang dengan Ketua Kampung dan juga Penolong Pegawai Daerah, termasuk pemimpin masyarakat.

“Mereka berpendapat untuk menentukan suasana kampung itu terus kekal lalu mereka bersetuju supaya tanah di kampung ini dijadikan tanah rizab Melayu.

“Ini juga menunjukkan kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) walaupun tanah ini

CUKUP... Ketua Perhubungan Kerajaan dan Hal Ehwal Korporat ABBAS, Sazli Mohd Salleh (kiri) dan Ketua Seksyen Pengeluaran Loji Penapisan Air Sungai Semenyih, Ahmad Rosli Mat Arham, membawa wartawan Selangor Kini meninjau Loji Penapisan Air Sungai Semenyih kepunyaan Konsortium ABASS Sdn Bhd yang berfungsi pada tahap optimum selama 24 jam untuk memenuhi kehendak pengguna di bahagian selatan Selangor. Loji tersebut membekalkan air ke Petaling Jaya, Sri Kembangan, Puchong, Putrajaya, Cyberjaya, Bangi, Sepang dan sebahagian kawasan Kuala Langat. BERITA LANJUT DI MUKA 3



diberikan kepada Kerajaan Negeri dalam bentuk tanah bebas, tetapi kita tunjukkan usaha kita itu bagi menjadikannya sebagai tanah rizab Melayu,” katanya.

Menteri Besar berkata de-

mikian selepas majlis penyampaian tanah kerajaan dan Notis 5A kepada 195 penduduk di ketiga-tiga kampung berkenaan.

Jelasnya, pemberian tanah ini bukan sahaja melibatkan tanah

milik kerajaan tetapi juga tanah dimiliki KTMB.

Katanya, hasil perbincangan dengan pihak Pejabat Tanah dan Daerah, KTMB dan ketua kampung yang mana semua nama

penerima dapat diselaraskan, seterusnya masalah pemilikan tanah sejak lebih 15 tahun lalu dapat diselesaikan.

[Lihat muka 15](#)

Sambutan Hari Bella Antarabangsa 2012 Peringkat Negeri Selangor
SANTAI ANAK MUDA BERSAMA SELEBRITI

BERBUKA PUASA BERSAMA
YAB DATO' MENTERI BESAR SELANGOR
& USTAZ AZHAR IDRUS
SILA BAWA SEJARAN & KELENGKAPAN SOLAT

PERTANDINGAN MEMASAK
BUBUR LAMBUK
& CATUR. HUBUNGI
MURIZA 0173473645
HAZAR 0199607219

Anak Muda
Pemacu Pembangunan
Negeri Selangor

11 OGOS 2012
(SABTU) 10 PAGI - 12 MALAM
DATARAN KEMERDEKAAN
SHAH ALAM

Anjuran: **KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
Dengan Kerjasama: **MSH DAN JAIS**